

02/03/1998

Barat belum sedar: PM (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin negara maju akan bertindak membantu memulihkan ekonomi Asia apabila mereka mula berasa kesan kegawatan kewangan di rantau ini terhadap ekonomi masing-masing.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak terlalu berharap kepada bantuan negara maju.

Ketika ini, menurutnya, negara maju tidak berasa "terlalu bertanggungjawab" untuk membantu Asia, meskipun sudah meraih faedah daripada kos pengeluaran produk rantau ini yang rendah.

"Mereka hanya akan menghulurkan bantuan apabila mereka mula merasai kesan kegawatan kewangan di Asia.

"Apabila mereka mengetahui kita tidak dapat lagi membeli barangan yang mereka jual kerana kita semakin miskin, ketika itu mereka akan sedar bahawa langkah menjadikan sesuatu pasaran itu miskin, tidak akan memberi faedah kepada mereka.

"Pada tahap itu, saya percaya mereka akan mula mengambil sesuatu tindakan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Le Tour de Langkawi (LTDL) di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan bahawa Malaysia mempersoalkan sikap negara maju dan kaya yang hanya banyak bercakap, tetapi sehingga kini masih belum mengambil tindakan konkrit bagi membantu negara rantau ini yang dihimpit kegawatan ekonomi.

Bercakap kepada pemberita selepas Pertemuan Tahunan Kedua Menteri Kewangan Asean di Jakarta semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengulangi gesaannya supaya Kumpulan 7 (G7) membuktikan kesungguhan membantu negara membangun di rantau ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, negara maju harus mengambil tanggungjawab yang lebih besar serta bermakna, bukan sekadar berdolak-dalik seolah-olah mereka menghadapi masalah ekonomi sehingga masalah negara jiran lainnya harus menunggu dan menanti secara tidak menentu.

Mengenai hasil mesyuarat di Jakarta khususnya penggunaan Aturan Bayaran Dua Hala (BPA) yang dicadangkan Pasukan Petugas Khas Bank Pusat Asean, Dr Mahathir berkata, perkara itu memang telah diberi penekanan selama ini.

Katanya, langkah itu bermatlamat mengurangkan pergantungan kepada mata wang di luar rantau ini kerana dengan berbuat demikian, secara automatik ia telah mengurangkan nilai mata wang serantau.

Beliau berkata, bank pusat di setiap negara anggota Asean akan mewujudkan rumah penjelasan bagi melaksanakan penggunaan BPA yang dicadangkan itu.

Mengenai langkah penggunaan mata wang serantau yang disokong oleh mesyuarat menteri kewangan itu, Perdana Menteri berkata, beberapa peraturan akan diperkenalkan supaya pelaksanaannya tidak menjejaskan matlamat yang ingin dicapai. "Contohnya, jika kita menjual barangan kepada negara Asean, adakah kita menjualnya dengan harga yang rendah?

"Jika kita menjualnya dengan harga yang terlalu rendah, maka negara Asean mungkin akan membelinya kemudian mengeksportnya semula yang mana tujuan sebenar langkah itu tidak akan tercapai," katanya.

Ketika ini, Perdana Menteri berkata, Malaysia menjual barangan dengan harga yang rendah kepada negara tertentu.

(END)